

TARIKH	SELASA, 14 SEPTEMBER 2021
AKHBAR	HARIAN METRO
TAJUK ARTIKEL	AIR SELANGOR BANTU B40 TERKESAN COVID-19
M/S	11
BIDANG	CIVIL SERVICE
KATA KUNCI	CIVIL SERVICE

## Air Selangor bantu B40 terkesan Covid-19

**Shah Alam:** Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) meraikan ulang tahun kedua semalam dengan memberi bantuan makanan serta pembaikan paip dalaman bagi rumah kebajikan serta keluarga B40 di sekitar Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Ketua Komunikasi Korporat Air Selangor, Elina Baseri berkata, Air Selangor terus berbakti kepada masyarakat dengan memperkasakan aktiviti komuniti khususnya dalam meringkatkan beban golongan memerlukan di sini.

“Bertemakan Berkongsi Kegembiraan Bersama, Air Selangor melaksanakan beberapa aktiviti bersama komuniti di bawah program Sesama Mara, khususnya

untuk golongan B40 yang amat memerlukan dalam tempoh pandemik Covid-19 di sekitar Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya.

“Air Selangor juga memberi bantuan kepada 262 individu dan keluarga daripada golongan B40.

“Inisiatif pertama iaitu bantuan makanan asas, *Box of Hope* diberikan kepada seramai 222 individu dan keluarga di empat lokasi iaitu di Kampung Ampang Indah, Taman Mulia Jaya, Persiaran Ampang Saujana serta Kampung Lembah Jaya Selatan,” katanya.

Elina berkata, bagi inisiatif kedua pula, Air Selangor akan menanggung 40 kos pembaikan paip dalaman bagi rumah kebajikan serta keluarga B40.

DISEDIAKAN OLEH	1-PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM 2-CARLOS LINTON (S19), BPM UNIT PERPUSTAKAAN, BPM
-----------------	--